

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Thursday, October 11, 2018 12:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: UUM-UNIKAMA SUMMER SCHOOL 2018



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

11 OKTOBER 2018 / 02 SAFAR 1440H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera

UUM-UNIKAMA SUMMER SCHOOL 2018



PPA COB ONLINE – UUM-UNIKAMA Summer School 2018 telah berlangsung pada tanggal 21 September - 5 Oktober 2018.

Program yang memasuki tahun ketiga penganjurannya ini telah mengumpulkan 19 orang pelajar tahun akhir pengajian dan 2 orang pegawai pengiring iaitu Dr. Dwi Nita Aryani, Pensyarah daripada Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Malang Kucecwara dan Cik Stifania Yuliana Shiba wakil daripada Universitas Kanjaruhan Malang Indonesia (UNIKAMA).

Daripada jumlah tersebut seramai 16 pelajar mengikuti jurusan Pendidikan Bahasa Inggeris & Kesusteraan, 2 orang pelajar mengikuti jurusan Perakaunan dan seorang pelajar mengikuti program Pengurusan.

Bagi melancarkan perjalanan program, 19 sukarelawan daripada kalangan pelajar Kelab Global Buddies UUM (GBC) telah dilantik untuk menjadi *buddies* peserta.

Ia bertujuan memberi peluang kepada pelajar yang terlibat untuk memupuk ciri-ciri kepimpinan serta memupuk semangat kerjasama serumpun dalam kalangan pelajar.

Antara program yang dijalankan adalah sesi pembelajaran akademik dengan kerjasama PPA UUM CAS dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) selain kelas dibawah penyeliaan UUM COB sendiri. Program ini memberi peluang kepada pelajar UNIKAMA & STIE Malang Kucecwara untuk menyertai kelas-kelas harian di UUM.

Sepanjang program berlangsung terdapat pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan antaranya aktiviti go-kart, sukan kenu, berbasikal, dan merentas hutan Sintok.

Selain itu, pelajar telah dibawa melawat tempat-tempat menarik sekitar kawasan Jitra dan Alor setar yang lain bagi melihat keindahan negeri Kedah. Pelajar juga dibawa melawat Kilang DXN di Jitra, mereka turut dibawa melawat ke negeri Perlis, termasuk Padang Besar dan Gua Kelam.

Rata-rata pelajar berasa gembira dan teruja menyertai program ini. Salah seorang pelajar Syaidatun Nafisah dari STIE Malang Kucecwara yang ditemui merasakan tempoh dua minggu terasa begitu cepat berlalu dan berharap untuk kembali ke UUM sebagai pelajar sepenuh masa.

“Saya pasti ke UUM lagi. Fasilitas disini begitu selesa dan terkini. Kenangan berada di sini tidak mungkin kami lupakan” ujarnya lagi.

Sementara itu Maulana Sigit Purwa Handaya dari UNIKAMA berpendapat, Program *Buddy* yang diwujudkan oleh PPACOB amat membantu dan terbaik.

“Kami tidak pernah berasa susah sepanjang berada di UUM lantaran adanya *buddy* yang sentiasa bersama kami setiap masa yang diperlukan” ujarnya lagi.

Program seperti ini bukan saja meningkatkan kebolehan komunikasi pelajar malah dapat memperluaskan jaringan sosial antarabangsa mereka.

Majlis penutup program ini telah di sempurnakan oleh En. Khairul Anuar Adnan, selaku Penyelaras Praktikum PPA COB dan Penasihat Kelab Global Buddies UUM, Cik Wan Norazlinda Penolong Pendaftar dan staf-staf Unikama yang sedang melanjutkan pengajian peringkat PhD di UUM.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

UUM College of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

☎ 04-928 6610

📠 04-928 6606

Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>

Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.